

SULIT



**UNIT PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LALOH
18000 KUALA KRAI, KELANTAN.**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014
TINGKATAN LIMA**

**BAHASA MELAYU
KERTAS DUA**

Masa : Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan*

Disediakan Oleh;

.....
*Cg. Sazali bin Ibrahim
Penolong Kanan Pentadbiran
SMK Laloh*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

[*Lihat halaman sebelah*

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan nilai-nilai positif dan kekangan untuk menyemai nilai-nilai tersebut**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pendidikan memainkan peranan penting bagi membina dan menanam nilai-nilai positif dalam kalangan pelajar. Pendidikan di semua peringkat persekolahan perlu menanamkan nilai-nilai positif selaras dengan matlamat Wawasan 2020 yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pemodenan dan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan acuannya sendiri.

Nilai-nilai positif ialah nilai-nilai yang mendorong kepada perubahan dan kemajuan. Nilai-nilai positif seperti yakin diri dan berani menghadapi cabaran amat penting untuk membina keyakinan diri masyarakat dan menentukan kekuatan sesuatu bangsa, kaum atau negara. Masyarakat yang maju memiliki nilai-nilai positif di samping peka terhadap segala perkembangan yang berlaku. Kita harus mengejar kemajuan, perubahan dan pembangunan tanpa meninggalkan nilai-nilai positif yang menjadi asas pembinaan kekuatan moral, kerohanian, kemanusiaan dan keterampilan dalam segala bidang. Masyarakat yang ingin kita lahirkan sesungguhnya masyarakat madani yang akan disegani di persada dunia.

Di samping itu, nilai positif juga mendorong individu dan masyarakat supaya berani bertindak secara rasional untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Nilai positif juga perlu dipertahankan bagi membebaskan individu dan masyarakat daripada ancaman gejala sosial yang begitu dominan pengaruhnya. Pembinaan imej diri yang menonjolkan keterampilan, kewibawaan dan kekuatan moral sangat signifikan dengan pemupukan nilai-nilai positif. Manakala nilai negatif perlu dikikis bagi membebaskan masyarakat daripada kemunduran dan kejahilan. Masyarakat yang demikian juga akan menjadi liabiliti kepada negara serta menjadi batu penghalang ke arah **merealisasikan matlamat Wawasan 2020**.

Selain itu, penekanan nilai positif dalam pembinaan sumber tenaga manusia dan tenaga pekerja juga penting untuk mewujudkan guna tenaga yang produktif dan positif ke arah pembangunan negara yang mapan. Nilai-nilai positif para pekerja seperti kerajinan, bertanggungjawab, amanah dan berdaya saing bukan sahaja perlu diamalkan di tempat kerja tetapi di luar tempat bekerja juga agar cabaran dan dugaan di pentas global mampu ditangani secara lebih mudah.

Nilai positif yang terpahat dalam diri seseorang akan dapat membantunya membanteras pelbagai masalah yang mengancam dirinya sendiri, masyarakat dan negara. Oleh itu, fungsi pendidikan perlu mengarah kepada pembinaan watak, akhlak dan moral individu yang mengamalkan nilai-nilai hidup yang baik dan tidak bercanggah dengan norma-norma kehidupan yang mulia. Yang pasti, amalan nilai-nilai positif akan menggalakkan perkembangan dan kemajuan tuntas seseorang individu ke arah pembinaan kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Kepentingan Nilai Positif Dalam Diri?* oleh Nur Aisyah Mohamad Hussein, Wadah Siswa, November, 2013)

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **merealisasikan matlamat**? [2 markah]
- (ii) Penulis menyatakan beberapa sebab nilai negatif perlu dikikis. Nyatakan sebab-sebab tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang berkesan untuk menanamkan nilai-nilai tersebut dalam kalangan murid? Berikan **dua** langkah. [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

MAK SOM: (Kepada INTAN SITI RAHIMAH) Pak Tuan dah berangkat balik.

PAK TUAN DOLAH: Intan, lusa mereka akan datang. Jamuan kali ini hendaklah lebih daripada yang biasa, sebab ada orang-orang yang lebih besar.

INTAN SITI RAHIMAH: Siang tadi Intan ke surau. Orang-orang kampung masih mengatakan kekotoran daripada kandang kuda mencemarkan air sungai. Anak-anak mereka sakit-sakit belaka, dan macam-macam lagi.

PAK TUAN DOLAH: Itulah dah dikatakan. Intan jangan ke surau mereka. Mengapa pergi mencemarkan kaki ke sana?

INTAN SITI RAHIMAH: Mereka datang sendiri menjemput. Takkanlah Intan tak pergi?

PAK TUAN DOLAH: Lain kali kata sibuk, tak usah pergi.

INTAN SITI RAHIMAH: Tetapi mereka ini isteri dan ibu kepada orang-orang yang bekerja dengan kita. Mereka besar hati datang menjemput. Itu pun takut-takut pula.

PAK TUAN DOLAH: Ya, mereka harus takut pada kita. Jika tidak naik kepala nanti. Intan harus sedar dengan siapa hendak bercampur gaul?

INTAN SITI RAHIMAH: Intan sedih melihat keadaan hidup setengah-setengah daripada mereka. Makanan anjing kita lebih baik daripada makanan mereka.

(Dipetik daripada drama
'1400' oleh Noordin Hassan dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan rungutan orang-orang kampung yang disampaikan oleh Intan Siti Rahimah kepada Pak Tuan Dollah.
[2 markah]
- (ii) Sekiranya anda Pak Tuan Dollah, apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk memastikan sungai itu tidak terus tercemar?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mendengar suara itu lanun-lanun itu mulai gementar. Mereka kenal itulah suara Awang Sulung, "Hai, baru ini kita kiamat, kita **sudah derhaka kepada penghulu kita sendiri** dan kepada diri kita sendiri!" bisik mereka sesama sendiri.

"Ampun Tuanku, patik tidak tahu bahawa Tuanku rupanya di dalam geliung panjang ini," sembah mereka beramai-ramai dengan tubuh yang gementar.

"Beta tidak beritahukan pelayaran beta pada kalian kerana beta menemani Tuan Puteri Dayang Seri Jawa kembali ke negerinya. Lagipun beta telah berhutang kepadanya sebanyak dua puluh lapan rial batu dan emas sejangka tiga untuk melangsaikan hutang beta kepada Datuk Batin Alam".

"Ampun Tuanku, janganlah Tuanku dukacita dengan hutang itu. Sekiranya Tuanku hendak kembali ke Bandar Mengkaleh, biarlah patik isikan geliung ini penuh sarat dengan rial batu dan emas".

Mendengar percakapan itu Tuan Puteri Dayang Seri Jawa tidak bersabar lagi lalu menyampuk, "Wahai tuan-tuan sekalian, adakah patut orang yang serupa ini berhutang rial kepada patik? Sebenarnya dagang yang hina inilah yang telah menjadi tawanannya. Dia seorang pahlawan yang handal.

"Kalau begitu," kata Awang Sulung pula, "memanglah benar kata adinda itu, kerana kakanda telah menewaskan Tuan Puteri Dayang Nuramah yang hendak merampas kakanda daripada tangan adinda dan sekarang hutang pun sudah berbayar, piutang pun sudah diterima, maka memohonlah kakanda kembali ke Bandar Mengkaleh."

(Dipetik daripada "*Pelayaran Yang Penuh Peristiwa*"
dalam antalogi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata **sudah derhaka kepada penghulu kita sendiri** berdasarkan petikan di atas?
[2 markah]
- (ii) Apakah alasan yang telah diberikan oleh Awang Sulung Merah Muda untuk membolehkan baginda pulang semula ke Bandar Mengkaleh?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mentaati ketua yang telah dilantik secara majoriti?
[3 markah]

Soalan 2(d) - Puisi

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DI PERPUSTAKAAN

Melangkah ke ruangmu
Satu pertukaran yang kontras
Dari kehangatan merata
Ke kedinginan yang menerpa
Terlalu hening di sini
Gua pendeta bersemadi
Di puncak sepi
Di sana sini
Kepala-kepala tunduk meneliti
Mata dan fikir bersebatu.

Maju ke ruang buku
Terlalu kerdil aku di sini
Terapung di laut ilmu
Tercurah berzaman
Dalam tak terselam
Betapapun kulayari
Bahtera ilmu di sini
Tak terteroka
Yang akan kucatat
Hanya setitik dari tinta
Yang akan kupetik
Hanya sebiji dari mutiara
Engkau adalah pusaka moyang
Gedung peradaban insan
Terhimpun berzaman.

Bersemadi di sini
Aku adalah pelayar yang dahaga
Di dada samudera
Tak berpantai
Betapapun kuteguk darinya
Dahaga tak pernah langcai

SHAFIE ABU BAKAR
Antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud ***dahaga tak pernah langsi*** [2 *markah*]
- (ii) Sekiranya anda ialah pengawas pusat sumber, apakah cara-cara yang dapat anda lakukan untuk menarik para pelajar mengunjungi perpustakaan? [3 *markah*]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut . [4 *markah*]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
(30 markah)

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis **satu** ayat daripada penjodoh bilangan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan **maksud** dan **penggunaannya**. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) segerombolan
- (ii) sekawan
- (iii) sekepal
- (iv) sepapan
- (v) sepasang
- (vi) serumpun

[6 markah]

(b) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian anda dikehendaki menggabungkan ayat-ayat berikut menjadi **tiga** ayat.

Malaysia menjadi destinasi tarikan pelancong. Malaysia mempunyai beberapa buah pulau yang indah. Malaysia mempunyai kawasan rekreasi hutan yang menarik. Kerajaan telah berusaha dengan gigih untuk mempromosikan Malaysia. Kerajaan mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia. Kerajaan Malaysia juga menganjurkan pertandingan sukan bertaraf antarabangsa. Ekonomi Malaysia meningkat. Peluang pekerjaan juga terbuka luas. Banyak pelancong datang ke Malaysia.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Demontrasi mencegah kebakaran oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat telah tertarik minat penduduk di sekitar kawasan perumahan itu.
- (ii) Pemain bola sepak yang meletih itu asyik bercekak pinggan sahaja di tengah-tengah padang.
- (iii) Wabak selsema burung akan menjadi merbahaya kepada penduduk dunia sekiranya tidak dicegah dari awal.

[6 markah]

(d) Dalam petikan di bawah, terdapat tiga **kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **tiga kesalahan tataahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tataahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Pihak polis telah menahan pemuda gelandangan itu kerana beliau didapati positif di dalam ujian air kencing yang diadakan secara rawak.
- (ii) Bintang-bintang yang berkerdipan di langit menambahkan kenyamanan suasana malam di kawasan peranginan itu.
- (iii) Keterampilan berbahasa di kalangan pengguna jati bahasa Melayu mestilah sentiasa diperkukuh dari masa ke masa.

[6 markah]

(e) Lengkapkan peribahasa di bawah.

- (i) Harimau mati meninggalkan belang,.....
- (ii) Kalau takut dilambung ombak,
- (iii) Kalau kail panjang sejengkal,

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel- novel yang berikut:

- (i) Sutera Dalam Lukisan karya Abd.Talib Hassan
- (ii) Renyah karya Gunawan Mahmood

(a) Jelaskan **dua contoh pengorbanan** yang dilakukan oleh watak utama dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

[7 markah]

(b) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan **tiga** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT